



## SIARAN AKHBAR

**12<sup>th</sup> ASIA ARTS FESTIVAL, 3<sup>rd</sup> CULTURE AND ARTS FESTIVAL  
CHONGQING, SICHUAN PROVINCE, THE PEOPLE'S REPUBLIC OF CHINA  
9 – 12 OCTOBER 2011**

---

**Chongqing, Provinsi Sichuan, Republik Rakyat China, 12 Oktober 2011** - Festival Kesenian Asia ke-12 telah diadakan di Chongqing, Provinsi Sichuan, Republik Rakyat China. Rombongan Negara Brunei Darussalam diketuai oleh Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan disertai oleh seramai beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan rombongan kebudayaan. Antara program yang dihadiri oleh negara ini ialah Mesyuarat Menteri-Menteri Kebudayaan China dan ASEAN (10+1), *Forum Asia Cultural Forum 10+3 Theme Conference, CHINA and ASEAN Traditional Woven Splendor Exhibition* dan Persembahan Kesenian.

Mesyuarat Menteri-Menteri Kebudayaan China dan ASEAN (10+1) dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Mr Cai Wu, Menteri Kebudayaan Republik Rakyat China. Pada dasarnya mesyuarat telah bersetuju untuk menubuhkan satu mekanisme bagi ASEAN+1 (China) yang bertujuan untuk mengadakan perjumpaan dalam bidang kebudayaan, selaras dengan tujuan ASEAN dalam membentuk hubungan yang baik di rantau ini. Mesyuarat juga bersetuju untuk mencadangkan program, aktiviti dan pelan tindakan bagi tujuan penyelarasan kerjasama dalam bidang kebudayaan.

Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina dalam ucapan beliau antara lain menekankan mengenai dinamik budaya dan peranan penting yang bolih dimainkan oleh kebudayaan dalam mengeratkan hubungan baik serta persefahaman di antara Negara ke arah keamanan

dan kesejahteraan dunia sejangat. Beliau menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam menyokong apa jua usaha ke arah peningkatan kerjasama dalam bidang kebudayaan di rantau ini dan antarabangsa. Beliau seterusnya menekankan bahawa 12<sup>th</sup> *Asian Arts Festival* merupakan *platform* yang berguna ke arah memastikan dalam membentuk ketahanan kebudayaan dan warisan untuk dihargai oleh seluruh dunia. Beliau seterusnya memaklumkan bahawa penyertaan negara ke festival berkenaan juga menunjukkan komitmen negara dalam perjanjian MOU tersebut di samping beberapa penyertaan dalam projek pertukaran kebudayaan yang lain.

Negara Brunei Darussalam juga pada masa yang sama mengalu-alukan dan menyokong untuk meningkatkan pertukaran kepakaran dalam seni pementasan, seni tampak, teknik pemeliharaan dan metodologi penyelidikan kebudayaan yang mana semuanya menumpukan kepada peningkatan pengetahuan dan kemahiran. Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman juga berkesempatan mengadakan perjumpaan berasingan bersama T.Y.T. Mr Edmund Ho Hao Wah, Vice Chairman of the 11<sup>th</sup> National Committee of the CPPPCC dan T.Y.T. Mr Bo Xilai, CPC Chongqing Committee Secretary / Member of the Politburo of the CPC.

Delegasi Negara Brunei Darussalam seterusnya menyertai Forum Kebudayaan Asia 10+3 sempena 12<sup>th</sup> Asian Arts Festival berkenaan. Perbincangan menumpukan kepada tema Pembangunan Kepelbagaian dan Keharmonian Kebudayaan dan Kesenian di Asia dengan perbincangan terhadap beberapa sub-topik termasuk Pertukaran dan Kerjasama Kebudayaan Asia bersama dengan Pertubuhan Kesenian; Pembangunan Keharmonian terhadap Kebudayaan Asia; Pemeliharaan warisan dan kebudayaan yang tidak ketara di Asia Pasifik; dan Pembangunan terhadap Ketahanan Kebudayaan Asia. Forum berkenaan telah disertai oleh delegasi dari negara ASEAN dan plus three countries (China, Jepun dan Republik Korea).

Brunei Darussalam juga menyertai acara pameran dalam *The China and ASEAN Traditional Woven Splendor Exhibition during this 12<sup>th</sup> Asia Art Festival*. Pelbagai jenis kain dan barangan tenunan, busana tradisonal, dan kraftangan telah dipertunjukkan sepanjang pameran berjalan.

Negara Brunei Darussalam juga telah membuat tiga kali persembahan tarian kebudayaan sepanjang berada di Chongqing China. Acara kemuncak ialah persembahan tarian dalam acara *The Opening Gala of the 12<sup>th</sup> Asia Art Festival* yang mengambil tempat di Chongqing Municipal People’s Grand Hall.





*Dikeluarkan oleh:*

*Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*

*12 Oktober 2011*